

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[SRI GADING]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah agenda ekonomi Kerajaan sekarang bagi membantu rakyat yang terjejas akibat COVID-19 sekarang terutama bagi rakyat di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai pendekatan dan strategi dalam memastikannya cabaran menghadapi penularan wabak COVID-19 dan impaknya kepada negara dapat diatasi. Wabak ini bukan sahaja telah menyebabkan krisis kesihatan yang mengancam nyawa malah telah memberi kesan kepada asas ekonomi negara. Justeru, Kerajaan amat prihatin dengan impak yang dihadapi rakyat, sama ada di luar bandar mahupun di bandar. Langkah dan strategi Kerajaan untuk menangani impak wabak COVID-19 ini terbahagi kepada tiga iaitu pelan jangka pendek iaitu **Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)**, **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)** dan **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)**. Diikuti dengan pelan jangka sederhana iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan dibentangkan tidak lama lagi, serta pelan jangka panjang iaitu *New Economic Recovery Plan (NERP)*.

2. Dalam memastikan keadaan ekonomi penduduk luar bandar yang terjejas ekoran penularan wabak COVID-19 ini dapat diatasi, beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

3. Kerajaan melalui **Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020** yang diumumkan pada 27 Februari 2020 serta **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)** yang diumumkan pada 27 Mac 2020, telah meluluskan peruntukan sejumlah **RM345 juta** bagi pelaksanaan projek berskala kecil seluruh negara. Projek-projek yang dilaksanakan ini berbentuk *quick wins* yang memberikan manfaat langsung kepada rakyat di luar bandar.

4. Peruntukan tambahan ini disediakan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang akan melaksanakan pelbagai program iaitu :

- a. **Program Jalan Perhubungan Desa (JPD)** sebanyak **RM100 juta** bagi membina baru dan menaik taraf jalan-jalan kampung sedia ada;
- b. **Program Ameniti Sosial (PAMS)** sebanyak **RM29.5 juta** bagi membina dan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur luar bandar;
- c. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** sebanyak **RM20.5 juta** bagi menaik taraf sistem bekalan elektrik alternatif di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak;
- d. **Program Bantuan Rumah** sebanyak **RM100 juta** bagi membaik pulih rumah di kalangan rakyat termiskin di luar bandar;
- e. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** sebanyak **RM20 juta** bagi melaksanakan projek sambungan paip retikulasi daripada paip-paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) ke kawasan atau rumah-rumah di luar bandar;
- f. **Program Penyelenggaraan/Baik Pulih/Naik Taraf Pusat KEMAS** sebanyak **RM25 juta** bagi meningkatkan imej pusat KEMAS seluruh negara; dan
- g. **Program Peningkatan Imej Premis Perniagaan MARA** sebanyak **RM50 juta** bagi menaik taraf premis perniagaan MARA di kawasan luar bandar.

5. Antara prinsip yang ditekankan di dalam PRE dan PRIHATIN ini adalah **pelaksanaan projek yang segera** (*fast execution*), iaitu dalam tempoh 3 hingga 6 bulan. Bagi memastikan pelaksanaan projek di bawah PRE dan PRIHATIN dapat berjalan lancar serta dapat mengurangkan impak ke atas ekonomi ekoran daripada penularan wabak COVID-19, khususnya ke atas penduduk luar bandar, kesemua projek-projek kecil ini dilaksanakan secara lantikan terus, undian atau sebut harga. Inisiatif Kerajaan ini juga akan dapat membantu kontraktor kelas G1 dan G2 selain menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di luar

bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi khususnya di kawasan luar bandar.

6. Di bawah **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 pula, antara inisiatif yang diumumkan adalah **Program Pembiayaan Mudah Bumiputera** yang disediakan bagi membantu usahawan PKS Bumiputera yang terjejas akibat wabak COVID-19. Pada masa yang sama, Kerajaan mendapati pengusaha IPTS Bumiputera juga terjejas teruk berikutan penurunan bilangan pelajar khususnya daripada luar negara akibat penutupan sempadan negara dalam usaha mengawal kes import COVID-19. Sehubungan itu, di bawah program ini, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah memperkenalkan **Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPIM)** dengan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk membantu usahawan PKS Bumiputera terutamanya di kawasan luar bandar serta pengusaha IPTS Bumiputera dalam usaha meneruskan kelangsungannya.

7. Di samping itu, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperkenalkan **Program DesaMall@KPLB** bagi usahawan luar bandar untuk merangsang penjanaan ekonomi melalui pemasaran produk luar bandar secara dalam talian di platform e-Dagang seperti Grab Malaysia, Lazada, Shopee dan eBay. Program ini juga adalah salah satu usaha Kerajaan untuk membantu usahawan luar bandar beralih dari cara perniagaan tradisional (*offline*) kepada pemasaran produk mereka secara dalam talian (*online*). Program ini berjaya membantu usahawan luar bandar meningkatkan hasil jualan sebanyak 300 peratus terutamanya ketika Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan.

8. Selain itu, prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang di bawah *Rolling Plan* 4 Tahun 2020 juga turut terjejas disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek pembangunan, khususnya di luar bandar, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi **pengecualian pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (VM) bagi program dan projek baharu tahun 2020 yang bernilai melebihi RM50 juta**. Usaha ini akan dapat mempercepat pelaksanaan projek dan merealisasikan perancangan pembangunan yang akan dapat memberi manfaat kepada semua rakyat.

Sekian, terima kasih.